

**STRATEGI PENGAJARAN GURU PRASEKOLAH
MENERUSI PEMIKIRAN PENDIDIKAN AL-GHAZĀLĪ:
KONSENSUS PAKAR**

Nik Muhamad Amal Mohd Asri¹, *Mohd Nazri Abdul Rahman¹ &
Abdul Muhsien Sulaiman¹

ABSTRACT

Teaching strategies are one of the important components to produce a quality and enjoyable teaching and learning process for children. In Malaysia, the National Preschool Standard Curriculum (NPSC) outlines several teaching strategies that are suitable according to the age and interests of children. With the variety of teaching strategies and approaches available today, teachers must be proactive and creative in providing early learning experiences to children. Therefore, aspects of teaching strategies for preschool teachers are reviewed through the lens of a renowned scholar in Islamic Education, Abu Hamid al-Ghazālī or better known as al-Ghazālī. This study was conducted to identify items for teaching strategies for preschool teachers through al-Ghazālī's educational thought. Analysis was conducted using literature mapping and fuzzy delphi research. A total of 25 experts from the fields of early childhood education, curriculum development, Islamic education and the Malaysian Ministry of Education (Curriculum Development Division) were involved in this study. The findings of the study show that the items proposed regarding the teaching strategies of preschool teachers based on al-Ghazālī's educational thought received expert agreement. The study also found that the components of care and education need to be integrated through diverse teaching strategies in developing students' potential. Finally, the study also suggests that the teaching strategies proposed in the study can be analyzed for their effectiveness through field studies.

Keywords: *Teaching Strategies, Preschool Education, al-Ghazālī Educational Thought*

[1]
Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur

[1]
Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur
mohdnazri_ar@um.edu.my

[1]
Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur

PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan sebuah medium yang mampu menguatkan perkembangan seseorang manusia dari segi kognitif, fizikal dan juga rohani (Siti Hajar Roslan et al., 2018). Ia dilihat menjadi tumpuan utama dalam mengembangkan pembentukan individu serta pencapaian tamadun dalam sesebuah masyarakat. Pelbagai kepentingan yang tidak boleh dinafikan bahawa pendidikan harus menjadi agenda utama dalam memajukan peradaban serta meningkatkan tahap kemampuan sesebuah negara di mata dunia (Hakim, 2018). Menerusi perspektif islam, proses pendidikan dimulai seawal dalam kandungan hingga ke akhir hayat.

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan suatu proses pendidikan melibatkan fasa awal kanak-kanak. Proses pendidikan ini menjadi keperluan Islam sebagai sebuah agama yang menyeluruh tidak terlepas dalam membincangkan isu asuhan kanak-kanak. Perbincangan berkenaan asuhan kanak-kanak sudah dibincangkan secara meluas melalui pelbagai perspektif dari cabang bidang ilmu yang pelbagai di mana ia menjadi perhatian bagi tokoh pendidikan islam kontemporari seperti Al-Ghazālī, Al-Zarnūjī, Ibn Sahnun dan lain-lain (Mohd Hasem Almuhammad et al., 2016).

Al-Ghazālī atau nama penuhnya Abu Hāmid Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazālī merupakan seorang sarjana muslim yang pakar dalam pelbagai disiplin ilmu islam hingga diberi julukan Hujjat al-islam. Kepakaran al-Ghazālī dilihat dalam sains pendidikan menurut pandangan islam dimana al-Ghazālī konsisten membincangkan berkenaan konsep ilmu dan pendidikan dalam karya utama beliau Ihya 'Ulūm al-Dīn serta beberapa yang lain seperti Mishkāt al-Anwār, Bidāyah al-Hidāyah dan Fātīhah al-'Ulum (Gil'adi, 1992; Hasan Asari, 1993). Kajian ini memperincikan bagaimana pemikiran pendidikan dari tokoh pendidikan al-Ghazālī dipraktikkan dalam membentuk strategi pengajaran yang boleh dijalankan oleh guru prasekolah bersama kanak-kanak.

PENYATAAN MASALAH

Sistem pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia bertujuan memperkembangkan potensi kanak-kanak dari seluruh aspek perkembangan bagi melahirkan insan yang seimbang serta melahirkan warganegara yang dapat membantu dalam pembangunan negara kelak. Melalui sistem pendidikan yang sedia ada menerusi Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan bagi murid prasekolah dan Kurikulum Permata Negara bagi murid taska, kanak-kanak didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang mampu mencapai matlamat yang dihasratkan (Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, 2008).

Melihat kepada dapatan dari Qin dan Mariani Md Nor (2020), pendidikan kanak-kanak tertumpu kepada sebahagian domain perkembangan untuk dicapai seperti kognitif dan literasi berbanding aspek sosio-emosi, moral dan kerohanian. Selaras dengan itu, terdapat sebahagian dari pihak tertentu yang cenderung mengutamakan melihat kepada prestasi kanak-kanak seperti kemahiran membaca dan menulis berbanding dari pencapaian moral serta nilai-nilai utama yang menjadi keperluan dalam menyiapkan diri kanak-kanak bersedia untuk ke sekolah (Masnan & Radzi, 2015). Selain itu, Rahman dan Wan Nurul Baizura Wan Muhammad Noor (2018) menyatakan terdapat kekeliruan yang berlaku dalam memahami konsep fokus kurikulum prasekolah di mana mereka masih beranggapan keperluan akademik dilihat mustahak dalam kemenjadian insan menyebabkan matlamat kurikulum sudah tidak selari seperti yang dihasratkan.

Dari sudut kompetensi guru seperti mana yang dihuraikan oleh Rosnani Hashim (2019) bahawa proses pemupukan akhlak dan nilai murni tidak mampu diintegrasikan dengan baik dalam rancangan pengajaran disebabkan ketidakcekapan guru dalam memberikan pendidikan yang lebih komprehensif. Guru prasekolah tidak mempunyai pengetahuan pedagogi yang sesuai dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang berkonsepkan pendidikan islam (Hambal, 2020). Tambahan lagi, guru yang ditugaskan untuk menyampaikan pengajaran pendidikan islam di prasekolah dari kalangan guru pendidikan Islam yang tidak mempunyai asas dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak (Saptri et al., 2021). Hal ini menjadikan proses pengajaran serta kandungan pengajaran yang disampaikan tidak selari dengan pembentukan tahap dan perkembangan murid. Justeru strategi pendidikan pada peringkat awal kanak-kanak perlu terbuka dan mengambil kira keperluan kanak-

kanak bagi penyampaian ilmu, nilai dan adab islami berupaya menjadi penghayatan kepada mereka di prasekolah.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan konsensus pakar berkenaan strategi pengajaran guru prasekolah menerusi pemikiran pendidikan al-Ghazālī. Untuk mencapai tujuan kajian ini, maka objektif kajian adalah untuk mengenal pasti item-item terhadap strategi pengajaran dari pemikiran pendidikan al-Ghazālī yang sesuai digunakan oleh guru prasekolah. Bagi memenuhi objektif yang digariskan ini, maka persoalan kajian adalah seperti berikut: “Apakah item bagi strategi pendidikan guru prasekolah menerusi pemikiran pendidikan al-Ghazālī mengikut pandangan pakar?”

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan Fuzzy Delphi untuk mendapatkan kesepakatan di antara panel pakar mengenai item bagi strategi pengajaran dalam model kurikulum pendidikan awal kanak-kanak berasaskan pemikiran al-Ghazālī.

Pendekatan Fuzzy Delphi

Pendekatan Fuzzy Delphi telah diperkenalkan oleh Kaufmann dan Gupta (1988) merupakan gabungan antara Teori Set Fuzzy dan Teknik Delphi. Kaedah Fuzzy Delphi merupakan satu kaedah analisis membuat keputusan yang menggabungkan Teori Fuzzy dalam Tradisional Delphi. Kaedah ini juga juga dikenali sebagai pendekatan 23 konsensus atau *'inner-opinion consensus' (thoughts, intuitions and feelings)* daripada sekumpulan pakar yang dipilih atau Delphi Pemilihan oleh pakar. Menurut Adler dan Ziglio (1986) kaedah delphi adalah satu proses berstruktur untuk mengumpul dan menyaring pengetahuan dari sekumpulan pakar melalui beberapa siri soal selidik diselangi dengan maklumbalas pendapat pakar yang terkawal. Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) merupakan pendekatan pengukuran yang lebih efektif di mana ia berupaya menyelesaikan masalah yang mempunyai ketidaktentuan dan ketidakpastian bagi sesuatu isu yang dikaji.

Peserta Kajian

Seramai 25 orang pakar telah dipilih secara bertujuan menjadi panel pakar dalam kajian ini berdasarkan ketetapan pemilihan panel pakar fuzzy delphi iaitu antara 10-20 (Adler & Ziglio, 1996). Setiap pakar yang dipilih mempunyai pengalaman dalam tempoh yang tertentu melalui bidang kepakaran masing-masing iaitu Pendidikan Awal Kanak-kanak, perkembangan kurikulum, pendidikan islam serta pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dari Bahagian Perkembangan Kurikulum. Profil pakar yang dipilih ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Profil Pakar

Panel Pakar	Kepakaran	Bilangan
Pensyarah dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak-	<ul style="list-style-type: none"> - Pengalaman lebih 5 tahun dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak /Prasekolah - Terlibat sebagai juru latih / penceramah / perkongsian pedagogi atau latihan kepada guru-guru di peringkat daerah, negeri atau kebangsaan 	8 orang pakar

Pensyarah dalam bidang Pembangunan Kurikulum	<ul style="list-style-type: none"> - Pengalaman lebih 5 tahun dalam bidang Pembangunan Kurikulum - Terlibat dalam kajian penyelidikan bersama pihak sekolah, universiti dan NGO dalam memberi perkongsian dan konsultasi berkenaan kurikulum 	7 orang pakar
Pensyarah dalam bidang Pendidikan Islam	<ul style="list-style-type: none"> - Pengalaman lebih 5 tahun dalam bidang Pendidikan Islam - Terlibat dalam melakukan penyelidikan dan kajian lapangan mengenai pemikiran al-Ghazālī dalam aspek pendidikan semasa 	7 orang pakar
Pegawai Bahagian Pembangunan kurikulum/Pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> - Pengalaman lebih 5 tahun sebagai pegawai dalam bahagian pembangunan kurikulum. - Terlibat secara aktif dalam urusan pengoperasian standard kurikulum seperti pemantauan, bimbingan dan konsultasi di peringkat prasekolah dan sekolah 	3 orang pakar

Instrumen Kajian

Instrumen Fuzzy Delphi dibentuk melalui proses utama iaitu kajian literatur serta pemetaan literatur kajian. Kajian ini dijalankan dengan meneliti sumber utama yang membincangkan secara khusus pemikiran pendidikan al-Ghazālī. Sumber ini merangkumi dari bahan-bahan literatur yang ditulis oleh al-Ghazālī sendiri serta kajian yang dijalankan oleh para sarjana yang berautoriti berkenaan pemikiran pendidikan beliau. Pemetaan ini dilaksanakan bagi mengumpul maklumat berkaitan strategi pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah menerusi pemikiran pendidikan al-Ghazālī.

Setelah pemetaan literatur dijalankan, 4 orang panel pakar dipilih bagi menilai dapatan kajian literatur berkenaan strategi pengajaran tersebut. Penilaian ini dilakukan bagi mendapatkan kesahan serta kebolehpercayaan item yang dinyatakan seiring dengan sumber yang dinyatakan. Soal selidik Fuzzy terdiri daripada 2 komponen utama iaitu demografi dan item bagi Strategi Pengajaran yang dicadangkan untuk dijalankan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data

Proses pengumpulan dan analisis data kajian fuzzy delphi dimulakan dengan langkah-langkah seperti berikut:

1. Menentukan jumlah pakar yang terlibat iaitu antara 10-20 responden (Adler & Ziglio, 1996). Kajian ini memilih untuk mendapatkan konsensus pakar seramai 10 orang.
2. Menentukan Skala Linguistik, berdasarkan kepada triangular fuzzy number. Dalam kajian, penyelidik telah memilih skala likert 5 point.
3. Segala data dijadualkan untuk mendapatkan nilai purata (m_1 , m_2 , m_3) iaitu Nilai Minimum, Nilai Munasabah dan Nilai Maksimum

4. Menentukan jarak antara nombor bagi menentukan nilai threshold dengan menggunakan rumus berikut:

$$d(\bar{m}, \bar{n}) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m1 - n1)^2 + (m2 - n2)^2 + (m3 - n3)^2]}$$

5. Menurut Cheng dan Lin (2002), jika jarak purata dengan data penilaian pakar adalah kurang daripada nilai threshold 0.2, maka semua pakar-pakar telah mencapai konsensus. Penentuan kesepakatan kumpulan adalah melebihi 75% (Chu & Hwang, 2008). Sekiranya ketidaksepakatan pakar tidak diperoleh, maka pusingan kedua Teknik Fuzzy Delphi perlu dilakukan semula atau item tersebut dibuang.
6. Menentukan agregat Fuzzy Evaluation dengan cara menambah semua nombor fuzzy.
7. Proses Defuzzification. Proses ini bertujuan untuk menentukan kedudukan (ranking) bagi setiap pemboleh ubah/ sub-pemboleh ubah.

ANALISIS DATA

Berdasarkan Jadual 2, persetujuan pakar ke atas strategi pengajaran guru prasekolah berasaskan pemikiran pendidikan al-Ghazālī dilaporkan. Analisis data menunjukkan bahawa keseluruhan item bagi strategi pengajaran guru prasekolah berasaskan pemikiran pendidikan al-Ghazālī adalah dipersetujui oleh kumpulan pakar berdasarkan syarat yang telah ditetapkan iaitu nilai Threshold Item (ditem) ≤ 0.2 dan kesepakatan kumpulan pakar $\geq 75\%$. Maklum balas kesepakatan pakar terhadap item yang sesuai dibangunkan sebagai strategi pengajaran guru prasekolah berasaskan pemikiran pendidikan al-Ghazālī dilaporkan dalam Jadual 2 mengikut nilai defuzzification dan ranking (skor).

Jadual 2: Strategi Pendidikan Guru Prasekolah Berdasarkan Pemikiran Pendidikan al-Ghazālī

Item	Purata Respon			Defuzzifi cation	Skor	Nilai <i>d</i> item	Kesepakatan pakar
	M1	M2	M3				
PdP yang sistematik	0.475	0.675	0.875	0.675	12	0.215	Diterima
Pendekatan bersepadu – <i>whole child focus</i>	0.538	0.738	0.938	0.738	4	0.143	Diterima
Metod hafalan	0.425	0.600	0.800	0.608	17	0.340	Diterima
Belajar sambil bermain	0.538	0.738	0.938	0.738	3	0.143	Diterima
Pembelajaran berasaskan jiwa	0.500	0.700	0.900	0.700	8	0.191	Diterima
Pembelajaran sepanjang hayat	0.475	0.675	0.875	0.675	11	0.191	Diterima

Pengajaran terbeza	0.438	0.638	0.838	0.638	16	0.186	Diterima
Pembelajaran bertahap	0.488	0.688	0.888	0.688	10	0.193	Diterima
Pembelajaran sendiri - <i>Self regulated learning</i>	0.463	0.663	0.863	0.663	13	0.184	Diterima
Disiplin sendiri – <i>Mujahadah</i>	0.500	0.700	0.900	0.700	8	0.172	Diterima
Penyucian jiwa – <i>Riyadah al-nafs</i>	0.513	0.713	0.913	0.713	7	0.167	Diterima
Metod pembiasaan – <i>habituation</i>	0.450	0.650	0.850	0.650	15	0.172	Diterima
Interaksi bersama rakan – <i>peer interaction</i>	0.525	0.725	0.925	0.725	5	0.158	Diterima
Interaksi bersama golongan dewasa – <i>adult interaction</i>	0.525	0.725	0.925	0.725	5	0.158	Diterima
Hubungan guru- murid – <i>suhbah</i>	0.550	0.750	0.950	0.750	1	0.124	Diterima
Metod ganjaran dan hukuman	0.463	0.663	0.863	0.663	14	0.210	Diterima
Metod keteladanan – <i>qudwah</i>	0.550	0.750	0.950	0.750	1	0.115	Diterima

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan kesemua nilai threshold(d Item) bagi setiap item dalam strategi pengajaran guru prasekolah berasaskan pemikiran al-Ghazālī adalah sama atau kurang dengan nilai d item ≤ 0.2 . Maka, kesemua item dalam instrumen ini mendapat kesahan dan diterima berdasarkan kesepakatan pakar. Data kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pakar bersepakat item bagi setiap strategi pengajaran guru prasekolah berasaskan pemikiran al-Ghazālī boleh diaplikasikan kepada kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun. Dapatan kajian ini menunjukkan dua strategi pengajaran iaitu metod keteladanan (*qudwah*) serta hubungan guru-murid yang baik (*suhbah*) mendapat kedudukan yang pertama di dalam senarai kesepakatan pakar. Manakala, strategi metod hafalan mendapat kedudukan terendah di dalam senarai kesepakatan pakar bagi strategi pengajaran guru prasekolah berasaskan pemikiran al-Ghazālī. Hal ini bermakna strategi yang baik untuk dilaksanakan kepada murid prasekolah bermula dengan aspek personaliti dan keperibadian guru sendiri melalui konsep keteladanan dan hubungan guru-murid yang baik diikuti pelbagai strategi pengajaran lain yang menekankan konsep keseronokan dan sesuai pada peringkat perkembangan kanak-kanak.

PERBINCANGAN

Analisis dapatan kajian ini dijalankan bagi mencari kesepakatan di antara panel pakar mengenai item bagi strategi pengajaran guru prasekolah berasaskan dari pemikiran al-Ghazālī. Dapatan kajian menunjukkan kumpulan pakar mencapai konsensus bahawa item yang dicadangkan dalam strategi pengajaran guru prasekolah berasaskan pemikiran al-Ghazālī boleh digunakan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung.

Kesemua item yang dicadangkan ini merupakan hasil dari pencarian bahan literatur berkenaan konsep strategi pendidikan yang dicadangkan oleh al-Ghazālī. Secara asasnya, setiap strategi pendidikan yang dicadangkan ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu konsep *ta'lim* (didikan) dan *tarbiyah* (asuhan). Kedua-dua konsep ini seharusnya dijalinan di dalam proses pendidikan di prasekolah agar pertumbuhan kanak-kanak berlaku secara holistik. Menerusi bahan literatur yang ditinjau, kesemua strategi dibahagikan menerusi dua kategori seperti berikut:

Ta'lim: pengajaran dan pembelajaran yang sistematik, pendekatan bersepadu – *whole child focus*, metod hafalan, belajar sambil bermain, pembelajaran berasaskan jiwa – *soul based learning*, pembelajaran sepanjang hayat, pengajaran terbeza dan pembelajaran bertahap.

Tarbiyah: *self regulated learning* – pembelajaran sendiri, disiplin sendiri mujahadah al-nafs, pembentukan sendiri, metode pembiasaan, interaksi bersama rakan, interaksi bersama golongan dewasa, hubungan guru-murid, metod ganjaran dan hukuman dan metod keteladanan.

Menerusi dapatan kesepakatan pakar, 10 strategi utama yang dilihat dari senarai yang dicadangkan merupakan strategi yang bergabung antara konsep ta'lim dan tarbiyah iaitu metod keteladanan (*qudwah*), hubungan guru-murid yang baik (*suhbah*), belajar sambil bermain, pendekatan bersepadu, interaksi bersama rakan, interaksi bersama golongan dewasa, penyucian jiwa, pembelajaran berasaskan jiwa dan disiplin sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa strategi pengajaran yang dianjurkan perlu bermula dari pihak guru dengan menunjukkan teladan serta hubungan yang baik bersama kanak-kanak. Seterusnya, guru harus mengambil pendekatan meraikan fitrah sebagai kanak-kanak dengan memberi peluang untuk bermain.

Oleh yang demikian, proses pembentukan kanak-kanak harus mempelbagaikan strategi pengajaran yang perlu dilakukan oleh guru prasekolah bagi memastikan kanak-kanak mendapatkan proses pendidikan yang menyeluruh. Hal ini jelas apabila Al-Attas (1989) menyarankan gagasan *ta'dib* di dalam konsep pendidikan Islam di mana proses pendidikan harus berlaku secara menyeluruh meliputi konsep ilmu dan amal. Lanjutan itu, tujuan pendidikan yang digambarkan adalah mengenal dan mengakui kedudukan sesuatu perkara dalam susunan kewujudannya (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2013). Maka, jelas bahawa proses pendidikan yang perlu disepadukan bukan hanya dari kandungan pembelajaran, malah strategi pengajaran harus dipelbagaikan bagi memastikan kanak-kanak mengenali dasar pengetahuan yang diajar serta mempraktikkan amalan tersebut dalam kehidupan dengan rasa seronok dan bermakna.

Jika diteliti, aspek-aspek asuhan yang dinyatakan oleh Al-Ghazālī bermula dari peranan ibu bapa yang dimulakan oleh proses pengasuhan dan pengajaran di rumah (la Adu, 2015). Setelah itu, proses ini mempunyai kesinambungan di peringkat prasekolah dengan memainkan peranan guru sebagai dalam membentuk kemenjadian murid. Proses interaksi di antara ibu bapa serta guru dilihat sangat penting dalam pembangunan modal insan kanak-kanak (Nur Eliza Mohd Noor et al., 2021). Pembentukan karakter dan akhlak tidak dapat dilatih dengan baik sekiranya proses tersebut berlaku hanya di prasekolah namun tidak rumah.

KESIMPULAN

Al-Ghazālī mempunyai pemikiran yang tersendiri dalam konsep didikan serta asuhan kanak-kanak menerusi konsep pendidikan Islam yang sebenar. Dapatan kajian mendapati bahawa pemikiran pendidikan Al-Ghazālī tidak tertumpu kearah aspek kanak-kanak semata. Ia harus berlaku secara seiring menerusi interaksi rakan, pengaruh ibu bapa di rumah, pengajaran guru di prasekolah serta kecaknaan komuniti terhadap pendidikan.

Konsep kesepaduan pendidikan yang dibincangkan oleh al-Ghazālī merangkumi kesemua aspek dalam perbincangan pendidikan seperti matlamat, kandungan pembelajaran, peranan ibu bapa dan guru, fungsi sekolah dan rumah serta aktiviti dan strategi pengajaran seperti yang dibincangkan di dalam kajian ini. Dapatan kajian *fuzzy delphi* menunjukkan bahawa setiap strategi sangat membantu dalam memberikan proses pengajaran serta pengasuhan kepada kanak-kanak di prasekolah. Rumusannya, kanak-kanak dapat dibantu dan diperkembangkan potensi yang sedia ada dalam diri mereka melalui pelbagai strategi pendidikan yang berkesan namun masih menjurus kepada matlamat pendidikan sebenar yang ingin dicapai berasaskan kepada pemikiran pendidikan al-Ghazālī yang dibincangkan.

RUJUKAN

- Al-Attas, S. M. N. (1989). *The Concept of Education in Islam*.
- Gil'adi, A. (1992). *Children of Islam: Concepts of Childhood in Medieval Muslim Society*. Palgrave Macmillan UK.
- Hakim, L. (2018). Integrated Learning dalam Perspektif Pendidikan Islam. *AT-TURAS: Jurnal Studi Keislaman*, 4(2), 227–255. <https://doi.org/10.33650/at-turas.v4i2.334>
- Hambal, M. (2020). Hadith Education in Forming Character of Early Childhood. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 4(1), 1–11.
- Hasan Asari. (1993). *The Educational Thought of Al-Ghazālī Theory and Practice*. McGill University.
- Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. (2008). *Dasar Kanak-Kanak Negara*.
- Ia Adu. (2015). Pandangan Imam Al-Ghazālī Tentang Pendidikan Akhlak di Lingkungan Keluarga. *Jurnal Horizon Pendidikan*, 10(2), 203–212. <https://www.jurnal.iainambon.ac.id/index.php/hp/article/view/707>
- Masnan, A. H., & Radzi, N. M. M. (2015). Pengetahuan Persediaan Pengajaran Guru Prasekolah Baru. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 4, 90–108. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/848>
- Mohd Hasem Almuddin, Asyraf Isyraqi Jamil, & Che Zarrina Sa'ri. (2016). Amalan Pendidikan Kanak-Kanak dalam Islam. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 1(Special Issue), 10. <http://ajba.um.edu.my/index.php/JIER/article/view/2157/475>
- Nur Eliza Mohd Noor, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, & Yusmini Md. Yusoff. (2021). Peranan Guru Dalam Pelaksanaan E-Pembelajaran Pendidikan Islam Menurut Perspektif Al-Ghazālī. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 6, 52–63.
- Qin, T. Y., & Mariani Md Nor. (2020). Exploring Issues On Teaching And Learning In Malaysian Private Preschools. *Malaysian Online Journal of Educational Management(MOJEM)*, 4(2), 1–16.
- Rahman, M. N. A., & Wan Nurul Baizura Wan Muhammad Noor. (2018). Pelaksanaan KSPK Semakan 2017: retrospeksi guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(3), 59–71.
- Rosnani Hashim. (2019). Falsafah Pendidikan Islam Pada Era Revolusi Industri 4 (Ri 4.0): Cabaran dan Cadangan. *International Conference On Teacher Education 2019, November*.
- Saptri, N. B., Satari, N. A., & Mohamed, S. (2021). Exploring Learning Activities in Teaching Islamic Education in Preschool Classroom. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(2). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i2/8442>
- Siti Hajar Roslan, Nur Natasha Zulhalmi, & Kamarul Azmi Jasmi. (2018). Pusat Asuhan Anak Menurut Perspektif Islam. *Seminar Institusi Islam 2019*, 155–166.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2013). *Al-Attas' Concept of Ta'dib as True and Comprehensive Education in Islam*. 0–4.